

D.R. 1/2008

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2008.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 [*Akta 545*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 —

(a) dalam subseksyen (1) dalam takrif "Perkhidmatan kewangan luar pesisir" —

(i) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan "syarikat luar pesisir asing" perkataan "yang diperbadankan atau";

(ii) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan "domestik atau syarikat asing"; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

"(ea) suatu pasaran yang ditubuhkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1998 [Akta 579];"dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan ' "syarikat asing", "syarikat domestik", '.

Pindaan seksyen 4

3. Subseksyen 4(5) Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (c), dengan menggantikan noktah dengan koma bernoktah; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

"(d) tindakan yang akan diambil oleh institusi kewangan luar pesisir yang berhubungan dengan anggota atau pekhidmatnya."

Seksyen baru 17A

4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 17 seksyen yang berikut:

"Pemeliharaan kerahsiaan

17A. (1) Tiada anggota, pegawai, pekhidmat, ejen atau perunding Lembaga atau orang yang dengan apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa rekod, buku, daftar, surat-menyurat, dokumen, bahan atau maklumat, yang berhubungan dengan urusan dan hal ehwal Lembaga dalam pelaksanaan tugasnya atau perjalanan fungsinya, boleh memberikan, memaparkan, mendedahkan, menyiarkan atau selainnya menzahirkan kepada mana-mana orang rekod, buku, daftar, surat-menyurat, dokumen, bahan atau maklumat itu melainkan jika dia secara sah dikehendaki untuk berbuat demikian oleh mana-mana mahkamah atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya."

Pindaan seksyen 28A

5. Seksyen 28A Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan takrif "agensi penguat kuasa undang-undang tempatan" dengan takrif yang berikut:

' "agensi penguat kuasa undang-undang tempatan" termasuklah suatu badan atau agensi yang pada masa ini bertanggungjawab di Malaysia bagi penguatkuasaan undang-undang yang berhubungan dengan pencegahan, pengesanan dan penyiasatan mana-mana kesalahan jenayah;';

(b) dengan memotong takrif "institusi kewangan";

(c) dalam takrif "kesalahan jenayah" —

(i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan ", jika kesalahan itu boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan";

(ii) dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan (d);

(iii) dengan memasukkan perkataan "atau" di hujung perenggan (e); dan

(iv) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

"(f) mana-mana undang-undang bertulis lain di Malaysia yang boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan;";

(d) dengan memotong takrif "pihak berkuasa kewangan negara asal"; dan

- (e) dengan menggantikan takrif "pihak berkuasapengawalseliaan tempatan" dengan takrif yang berikut:

"pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan" ertinya mana-mana pihak berkuasa atau badan yang berkaitan di Malaysia atau mana-mana negara lain yang menjalankan fungsi pengawalseliaan ke atas operasi institusi kewangan luar pesisir;'

Pindaan seksyen 28B

6. Seksyen 28B Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Lembaga boleh, dalam menjalankan fungsi pengawasannya di bawah Akta ini atau mana undang-undang lain yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan luar pesisir, menghendaki mana-mana institusi kewangan luar pesisir atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan institusi kewangan luar pesisir itu supaya menyerahkan kepada Lembaga apa-apa maklumat—

- (a) yang berhubungan dengan pengenalan, hal ehwal, akaun atau butir-butir mana-mana orang yang merupakan pelanggan institusi kewangan luar pesisir itu atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan institusi kewangan luar pesisir itu, atau penama atau benefisiarinya;
- (b) yang berhubungan dengan pengenalan, hal ehwal atau butir-butir seseorang pemunya benefisial suatu akaun yang dibuka dengan institusi kewangan luar pesisir itu atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan institusi kewangan luar pesisir itu, atau yang berhubungan dengan akaun itu; atau
- (c) yang disifatkan oleh Lembaga sebagai perlu atau suai manfaat bagi pelaksanaan fungsi pengawasan itu.";

(b) dengan menggantikan perenggan (2)(b), dengan perenggan yang berikut:

"(b) kepada pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan institusi kewangan luar pesisir itu, dan penzahiran itu boleh merangkumi apa-apa maklumat yang berkaitan dengan sesuatu institusi kewangan luar pesisir individu di bawah pengawasan pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan.";

(c) dengan memotong subseksyen (3);

(d) dengan menggantikan subseksyen (4) dan (5) dengan subseksyen yang berikut:

"(4) Lembaga boleh memaklumkan pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan mengenai apa-apa keadaan yang bertentangan dalam institusi kewangan luar pesisir itu jika Lembaga berpuas hati bahawa maklumat itu perlu bagi fungsi pengawasan pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan itu.

(5) Walau apa pun subseksyen (2), jika Lembaga mempunyai syak yang munasabah atau berpuas hati, berdasarkan keterangan yang tersedia kepada Lembaga, bahawa fraud, suatu kesalahan pengubahan wang haram, suatu kesalahan membiayai keganasan atau mana-mana kesalahan jenayah telah atau mungkin akan dilakukan oleh mana-mana institusi kewangan luar pesisir atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan institusi kewangan luar pesisir itu atau mana-mana orang, Lembaga boleh memberikan maklumat tentang pelakuan atau kemungkinan itu, atau menyampaikan mana-mana atau kesemua maklumat yang berhubungan dengan pelakuan atau kemungkinan itu kepada pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan atau agensi penguat kuasa undang-undang tempatan."; dan

(e) dalam subseksyen (6)—

(i) dengan memotong perkataan "(3),"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "subseksyen (1), (3) dan (4)" dengan perkataan "subseksyen (1)".

Pindaan seksyen 28c**7. Subseksyen 28c(1) Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "kewangan" di mana-mana jua terdapat perkataan "luar pesisir"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "subseksyen 28B(1), (3) dan (4)" dengan perkataan "subseksyen 28B(1)".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 ("Akta 545").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 545 untuk memasukkan pasaran yang ditubuhkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1998 (Akta 579) dalam takrif "perkhidmatan kewangan luar pesisir".

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 4(5) Akta 545 untuk memberi Lembaga kuasa untuk mengeluarkan arahan kepada institusi kewangan luar pesisir berkenaan dengan tindakan yang akan diambil oleh institusi kewangan luar pesisir itu berhubung dengan anggota atau pekhidmatnya.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 17A ke dalam Akta 545. Subseksyen 17A(1) yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa anggota, pegawai, pekhidmat, ejen atau perunding Lembaga atau mana-mana orang yang dengan apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa rekod, buku, daftar, surat-menyurat, dokumen, bahan atau maklumat yang berhubungan dengan urusan dan hal ehwal Lembaga dalam pelaksanaan tugasnya atau penjalanan fungsinya, tidak boleh memberikan, memaparkan, mendedahkan, menyiarkan atau selainnya menzahirkan kepada mana-mana orang rekod, buku, daftar, surat-menyurat, dokumen, bahan atau maklumat itu melainkan jika dia secara sah dikehendaki untuk berbuat demikian oleh mana-mana mahkamah atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Subseksyen 17A(2) yang dicadangkan selanjutnya memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 28A Akta 545. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk meminda takrif "agensi penguat kuasa tempatan", "kesalahan jenayah" dan "pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan" serta memotong takrif "institusi kewangan" dan "pihak berkuasa kewangan negara asal".

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 28B Akta 545 untuk membolehkan Lembaga menghendaki sesuatu institusi kewangan luar pesisir atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan institusi kewangan luar pesisir itu supaya menyerahkan kepada Lembaga apa-apa maklumat—

- (a) yang berhubungan dengan pengenalan, hal ehwal, akaun atau butir-butir mana-mana orang yang merupakan pelanggan institusi kewangan luar pesisir itu atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan institusi kewangan luar pesisir itu atau penama atau benefisiarinya;
- (b) yang berhubungan dengan pengenalan, hal ehwal atau butir-butir seseorang pemunya benefisial suatu akaun yang dibuka dengan suatu institusi kewangan luar pesisir itu atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan institusi kewangan luar pesisir itu atau yang berhubungan dengan akaun itu; atau
- (c) yang disifatkan oleh Lembaga perlu atau suai manfaat bagi pelaksanaan fungsi pengawasan sedemikian.

Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Lembaga boleh menzahirkan apa-apa maklumat mengenai pelakuan fraud, kesalahan pengubahan wang haram, kesalahan membiayai keganasan atau mana-mana kesalahan jenayah oleh sesuatu institusi kewangan luar pesisir atau perbadanan yang berkaitan dengan institusi kewangan luar pesisir itu atau mana-mana orang kepada pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan atau agensi penguat kuasa undang-undang tempatan.

8. Pindaan lain yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIK AS I KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U^c)2502]